

22 FEB 2001

Abdullah-Perhimpunan

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO TIGA HARI MULAI 21 JUN

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno akan diadakan selama tiga hari mulai 21 Jun ini.

Perhimpunan pergerakan Pemuda dan Wanita pula akan diadakan pada 20 Jun.

Perkara itu diputuskan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi hari ini yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bercakap kepada pemberita, Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata MT juga bersetuju dengan formula yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Umno bagi mewujudkan Jawatankuasa Penaja Puteri Umno.

Jawatankuasa penaja itu akan mengandungi 20 anggota, tujuh daripadanya dipilih oleh MT dan yang lainnya oleh setiap Badan Perhubungan Umno negeri.

Abdullah berkata semua Badan Perhubungan Umno negeri akan mencadangkan nama seorang anggota Umno yang memenuhi syarat-syarat kelayakan anggota Puteri Umno termasuk berumur 35 tahun ke bawah.

Pada 10 Feb lepas, MT bersetuju menubuhkan Puteri Umno secara rasmi dengan menetapkan had umur keanggotaannya kepada 35 tahun.

Ketika ditanya sama ada ketua Puteri Umno telah ditetapkan, Abdullah berkata "Belum lagi, salah seorang daripada yang dinamakan yang itulah kita harap akan menjadi ketua sebab kemudian nanti kita juga akan mengemukakan kelulusan berkaitan peraturan yang ada hubungkait dengan penubuhan Puteri Umno."

Beliau berkata MT juga bersetuju dengan cadangan Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno yang dipengerusikannya iaitu tataetika pemilihan parti akan menggunakan tataetika pemilihan sedia ada.

"Kita guna tataetika pemilihan yang telah wujud pada waktu dulu dan telahpun dikaji dengan teliti, tetapi dengan sedikit pindaan iaitu untuk sesuaikan dengan pindaan yang ada pada perlembagaan," katanya.

Kod Etika Perilaku Pemilihan Umno sedia ada telah diedarkan kepada 165 bahagian menjelang pemilihan parti Mei tahun lalu.

Abdullah juga berkata "sesiapa" pun boleh merasmikan mesyuarat perwakilan bahagian.

"Tidak ada keputusan menghalang siapa-siapa merasmikan mesyuarat bahagian," katanya.

Abdullah berkata MT juga bersetuju supaya jawatankuasa pemilihan peringkat negeri ditubuhkan.

"Jawatankuasa ini adalah untuk menyelaras permasalahan yang mungkin timbul di peringkat bahagian di sepanjang proses mesyuarat cawangan dan juga persidangan perwakilan bahagian," katanya.

-- BERNAMA

RV ES MAI